

KPJ sedia urus hospital lain di Asia Barat

20/3/07

BERITA HARIAN

KPJ Healthcare Sdn Bhd, unit kesihatan Johor Corporation (JCorp) bersedia untuk meneroka lebih banyak peluang di Asia Barat selepas memeterai perjanjian pengurusan hospital di Jeddah, Arab Saudi, awal bulan ini.

Ketua Eksekutif JCorp, Tan Sri Muhammad Ali Hashim, berkata KPJ Healthcare mengadakan rundingan dengan sekurang-kurangnya tiga syarikat di rantau itu berhubung perjanjian pengurusan hospital.

"Rundingan itu menumpukan kepada pengurusan hospital pakar swasta kerana wujud jurang di sana. Orang Arab begitu teliti dalam mendapatkan pengurus dari negara Islam," katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Muhammad Ali berkata, pihaknya tidak boleh mengumumkannya lagi kerana ia masih pada peringkat awal, kecuali perjanjian yang sudah dimeterai di Jeddah.

"Pengembangan KPJ Healthcare diperkukuhkan dengan Al-Aqar KPJ Reit, yang membolehkan syarikat meninjau peluang mengambil alih aset hospital di Asia Barat atau membinanya," katanya.

Al-Aqar KPJ Reit (Dana Amanah Pelaburan Hartanah), Reit Penjagaan Kesihatan Islam pertama Malaysia, baru-baru ini memenangi anugerah Niaga Janji I-Reit 2006 Islamic Finance News (IFN).

Muhamrnad Ali menjelaskan, ada kelebihan jika aset itu terletak di negara Islam kerana wujudnya keseimbangan berhubung pema-tuhan syariah. - Bernama